

# NUVANTA GREENCOSAMINE 750MG TABLET

Glucosamine Hydrochloride (750 mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Nuvanta GreenCosamine Tablet*
2. Bagaimana *Nuvanta GreenCosamine Tablet* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Nuvanta GreenCosamine Tablet*
4. Cara menggunakan *Nuvanta Greencosamine Tablet*
5. Semasa menggunakan *Nuvanta GreenCosamine Tablet*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Nuvanta GreenCosamine Tablet*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Nuvanta GreenCosamine Tablet*

*Nuvanta GreenCosamine Tablet* digunakan sebagai terapi tambahan untuk *osteoarthritis* (penyakit kemerosotan sendi).

## Bagaimana *Nuvanta GreenCosamine Tablet* berfungsi

*Nuvanta GreenCosamine Tablet* berfungsi dengan mengurangkan keradangan sendi dan melegakan kesakitan yang berkaitan. Ia mengandungi glukosamin yang terdapat di dalam badan secara semula jadi yang digunakan untuk menguatkan tulang rawan dan mengurangkan geseran disekitar sendi.

## Sebelum menggunakan *Nuvanta GreenCosamine Tablet*

- *Bila tidak boleh menggunakan* Jangan gunakan *Nuvanta GreenCosamine Tablet* jika anda hipersensitif terhadap glukosamin dan bahan lain yang terkandung dalam produk ini (disenaraikan di hujung risalah).
- *Sebelum menggunakan* *Nuvanta GreenCosamine Tablet*

Maklumkan kepada doktor anda jika anda menghidap kencing manis Jenis 2 atau intoleransi glukosa. Pantau gula darah anda dengan teliti semasa rawatan.

*Kehamilan dan penyusuan:* Elakkan penggunaan pada wanita hamil dan ibu menyusu.

*Kanak-kanak:* Glukosamin tidak boleh digunakan pada kanak-kanak di bawah umur 12 tahun kecuali disyorkan oleh doktor / ahli farmasi.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain* Beritahu doktor anda jika anda mengambil ubat lain, termasuk NSAID seperti ibuprofen (ubat tahan sakit). Glukosamin boleh meningkatkan aktiviti anti-radang NSAID seperti ibuprofen. Anda mungkin memerlukan dos ubat yang lebih rendah.

## Cara menggunakan *Nuvanta GreenCosamine Tablet*

- *Berapa banyak harus digunakan* Simptom yang ringan atau sederhana: 1 tablet sekali sehari, 15 minit sebelum makan untuk sekurang-kurangnya 6 minggu.

Simptom yang teruk  
Terapi awal:  
1 tablet 2 kali sehari, 15 minit sebelum makan untuk sekurang-kurangnya 8 minggu.

Terapi susulan:  
1 tablet sekali sehari, 15 minit sebelum makan. Terapi perlu diteruskan untuk 3-4 bulan dengan mengambil 1 tablet sekali sehari.

- *Bila perlu digunakan* Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Ambil 15 minit sebelum setiap hidangan.
- *Berapa lama perlu digunakan* Gunakan *Nuvanta GreenCosamine Tablet* untuk jangka masa seperti yang disyorkan oleh doktor / ahli farmasi anda.

Rawatan jangka panjang:  
Rawatan harus diulangi setiap 6 bulan atau kurang mengikut preskripsi perubatan.

- *Jika terlupa menggunakan* Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos tertinggal dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.
- *Jika menggunakannya berlebihan (terlebih dos)* Segera hubungi doktor anda atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda fikir anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak ubat ini. Lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

## Semasa menggunakan *Nuvanta GreenCosamine Tablet*

- *Perkara yang perlu dilakukan* Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil *Nuvanta GreenCosamine Tablet*

Maklumkan kepada doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

*Perkara yang tidak boleh dilakukan*  
Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan *Nuvanta Greencosamine Tablet* kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Sekiranya anda menghidap kencing manis, anda harus mengambil glukosamin di bawah pengawasan perubatan.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, *Nuvanta Greencosamine Tablet* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Di bawah merupakan kesan sampingan yang mungkin di alami sesetengah orang:

1. *Kardiovaskular*  
Bengkak tangan dan kaki, peningkatan kadar jantung
2. *Sistem saraf pusat*  
Mengantuk, sakit kepala, sukar tidur didapati semasa terapi tetapi jarang berlaku (kurang dari 1%).
3. *Gastrousus*  
Mual, muntah, cirit-birit, ketakcernaan atau sakit epigastrik, sembelit, pedih ulu hati dan anoreksia (gangguan makan) jarang dijelaskan.
4. *Kulit*  
Reaksi kulit seperti kemerahan dan kegatalan ada dilaporkan.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan dengan melayari laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

**Cara penyimpanan dan pelupusan**  
*Nuvanta GreenCosamine Tablet*

- Penyimpanan

Jauhkan daripada kanak-kanak  
Simpan di dalam bekas yang ditutup ketat dan bawah suhu 30 °C. Lindungi dari cahaya dan kelembapan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Tablet berwarna putih, bersalut filem dan berbentuk bujur.

- Bahan-bahan kandungan

Setiap tablet mengandungi:  
Glucosamine Hydrochloride 750 mg

Bahan-bahan tidak aktif ialah microcrystalline cellulose, pregelatinized starch, Opadry II Clear, colliodal silicon dioxide, magnesium stearate

- Nombor MAL

MAL10100036X

**Pengilang**

Unison Nutraceuticals Sdn Bhd (298703-W)  
No 13, Jalan Tasik Utama 52, Kawasan Perindustrian Tasik Utama, 75450 Ayer Keroh, Melaka.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Unison Nutraceuticals Sdn Bhd (298703-W)  
No 13, Jalan Tasik Utama 52, Kawasan Perindustrian Tasik Utama, 75450 Ayer Keroh, Melaka.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

17/07/2025

**Nombor Siri**

NPRA(R4/1)290921/00073